

# KONSEP FURUSATO

Ke arah Jepun yang

## Manusiawi

dan

## Makmur

NOBORU TAKESHITA

52

<





# **KONSEP FURUSATO**

---

**Ke arah Jepun  
yang manusiawi dan makmur**

**NOBORU TAKESHITA**

Diterjemahkan oleh  
**FIRDAUS HAJI ABDULLAH**

**PUSTAKA PERDANA**



**1013509**

**Pusat Kajian Jepun  
INSTITUT KAJIAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA  
(ISIS) MALAYSIA**



**PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA**

Buku asalnya dalam bahasa Jepun berjudul *Subarashii Kuni Nippon Watashino Furusato Soseiron* oleh Noboru Takeshita dan diterbitkan oleh Kodansha Ltd., Tokyo pada tahun 1987. Diterjemahkan oleh Dr. Firdaus Haji Abdullah daripada terjemahan Inggerisnya yang berjudul *The Furusato Concept: Towards a Humanistic and Prosperous Japan*. Terjemahan Bahasa Malaysia ini diterbitkan oleh Pusat Kajian Jepun, ISIS Malaysia dengan izin daripada pengarangnya.

Penghargaan: Sebahagian daripada biaya penerbitan buku ini disumbangkan oleh Yayasan Jepun (Japan Foundation).

---

© ISIS Malaysia 1991

Hakcipta penerbit terjemahan ini terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh diterbitkan kembali, dirakam atau disimpan dalam apa juga alat yang boleh disalin semula, baik secara elektronik, mekanik, salinan foto, pita rakaman mahupun cara-cara lain, tanpa memperoleh izin terlebih dahulu daripada ISIS Malaysia.

Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia adalah sebuah syarikat yang tidak bertujuan memperoleh keuntungan, dibentuk di bawah peruntukan Akta Syarikat-syarikat Malaysia 1965 dengan tujuan menjalankan penyelidikan dasar yang bebas lagi objektif dalam lima bidang utama, yakni pertahanan; keselamatan dan hal-ehwal luar negeri; hal-ehwal negara dan antarabangsa; dasar-dasar pembentukan bangsa; sumber-sumber tenaga dan alam; teknologi dan industri.

Buku ini diterbitkan dengan tujuan memberi sumbangan terhadap masyarakat umum, sebagai sumber maklumat dan bahan perbincangan, dan sama sekali tidak membayangkan bahawa Institut ini bersetuju dengan pandangan dan pendapat pengarangnya.

ISBN 967-947-140-3

# KANDUNGAN

PRAKATA	1
Jepun: Sebuah Negara yang Luar Biasa	5
Perdamaian dan Kemakmuran Hasil daripada Kerajinan Bekerja, Keterbukaan Fikiran dan Keberuntungan Nasib	7
Tembok–tembok yang Kita Hadapi	9
Transformasi Struktur yang Tidak Dapat dielakkan	11
Rahmat dan Rintangan dalam Membina Sebuah Masyarakat Perindustrian	13
Mengatasi Empat Ketergantungan	16
Membina Jepun yang Wajar dengan Kemakmurannya	18
Gagasan–gagasan Berani, Pelaksanaan Hati–hati	20
Jepun Tidak akan Menjadi Kuasa Tentera	22
Membina <i>Furusato</i> pada Zaman Pengantara–bangsaan	23
Kekreatifan <i>Furusato</i> : Mengatasi Tembok–tembok Masalah	26

## BAHAGIAN SATU : FAJAR–FAJAR ZAMAN BARU

### BAB I : KEMUNCULAN PENGANTARABANGSAAN YANG SEBENARNYA

Pengantarabangsaan Sejati Bermula di <i>Furusato</i>	29
Bumi ini adalah <i>Furusato</i> Kolektif Kemanusiaan	31
Mempertahankan <i>Furusato</i> dengan Tangan Kita Sendiri	32
Kerjasama Amerika Syarikat-Jepun: Batu Asas Diplomasi Negara	35
Memandang ke Hadapan ke Zaman Pasifik	36
Mengorbankan Kepentingan Kita Sendiri untuk Kebaikan Dunia	38
Pemindahan Teknologi dan Kerjasama Ekonomi yang Ikhlas dan Tanpa Batas	39
Meluaskan Penanaman Modal Seberang Laut yang Aktif	41
Pengeluaran dan Perkhidmatan yang Setanding dengan Pasaran Jepun	42
Sebuah Negara yang Penting kepada Dunia	44
<b>BAB II : PENGURUSAN EKONOMI MASYARAKAT MAKLUMAT</b>	46
Menteri Kewangan yang Baru	46
Keajaiban dalam Masyarakat Perindustrian Jepun	48
Menentang Tembok Ekonomi	49
Pengeluaran yang Tinggi Mestilah Seajar dengan Mendapat Permintaan yang Tinggi	51
Dasar Ekonomi Tanpa Pengangguran	52
Mengumpul yang Terbaik dari Serata Dunia	53
Masyarakat Maklumat yang Kreatif	54
Individualisme yang Kreatif dan Pembekalan yang Pelbagai Ragam	55

BAB III : MEMBINA SATU KEBUDAYAAN PELBAGAI RAGAM	57
Pendidikan Seragam Membina sebuah Negara Perindustrian	57
Menimbulkan Keperibadian	60
Daripada Pendidikan yang Seragam kepada Pendidikan Pelbagai Ragam	61
Menyediakan Tempat untuk Pelajar-pelajar Dunia	63
Memperseimbangkan Kekayaan Rohani dan Material	65
BAB IV : KONSEP 'MASYARAKAT PRO-UMUR'	67
Membangunkan Masyarakat Tempat Keluarga Dapat Tinggal Bersama	67
Keluarga Tiga-Generasi yang Baru	68
Sahabat Seumur Hidup	70
Mengakhiri Ketergantungan yang Keterlaluan Terhadap Budaya Orang-orang Muda	71
Kebajikan Ala Jepun Menemui Peranan-peranan Sosial	72
BAB V : KEBANGKITAN KEMBALI <i>FURUSATO</i> TEKNOLOGI TINGGI	74
Garis Depan <i>Furusato</i>	74
Teknologi Menghapuskan Jarak	75
Kemajuan Teknologi akan Menyelesaikan Masalah Tanah	76
Menghentikan Tabiat Tokyo	78
Mengekalkan Hubungan Vertikal dalam Budaya Perindustrian	79
Keringanan untuk Saudagar-saudagar 'Bujang'	80

<b>BAB VI : KEMUNCULAN PERTANIAN TEKNOLOGI TINGGI DARIPADA KUANTITI KEPADA KUALITI</b>	<b>82</b>
Pertanian adalah Teraju Perindustrian	84
Bio-Teknologi Pertanian dan Revolusi Maklumat	85
<b>BAHAGIAN DUA PEMBANGUNAN WILAYAH DENGAN TANGAN KITA SENDIRI : SATU WAWASAN</b>	
<b>BAB I : JEPUN HARI ESOK: PENCARIAN DAN KEKREATIFAN</b>	<b>89</b>
Kerajinan, Kejujuran dan Penghargaan	89
Mewujudkan Model Kita Sendiri untuk Pembangunan Wilayah	91
Ahli Politik Jepun Mestilah Mencipta Gagasan- gagasan	92
Perlunya Ketegangan yang Kreatif	93
<b>BAB II: KOMUNITI-KOMUNITI TEMPATAN BERHUBUNGAN DENGAN DUNIA LUAR</b>	<b>94</b>
Zaman Persekolahan Saya di Sekolah Menengah Matsue	94
Sebuah Negara Pelbagai Pusat yang Seimbang	96
Kekreatifan Wilayah, Sokongan Pusat	97
Mewujudkan Pelbagai Pertalian dengan Dunia	98
<b>BAB III: MEMBINA RANGKAIAN MAKLUMAT DAERAH</b>	<b>90</b>
Warga Tokyo Hanya Kenal Tokyo	100
Daripada Rangkaian Maklumat DC ke AC	101
Persahabatan di Daerah Pedalaman: Kediaman Berbilang bagi Penghuni Kota	102

BAB IV : MENGELILINGI JEPUN DALAM 24 JAM	104
Membawa Bantuan Alam kepada Penghuni Kota	104
Rangkaian Perjalanan Harian Serata Negara	105
Daripada Menjual Masa ke Membeli Masa	106
Laluan Keretapi Berpandukan Keperluan Sebenar	107
Budaya Jalan Asia	108
BAB V : MEMBINA MASYARAKAT YANG MEMBERI KEPUASAN	109
Kolam Sederhana yang Melahirkan Juara Renang	109
Memilih <i>Furusato</i> Sendiri	110
Mengemblengkan Pengetahuan, Pengalaman dan Muhibah	111
BAB VI : MEMBINA SEBUAH NEGARA PASTI JAYA	112
Akhir Perang di Sekolah Penerbangan Belia Tentera Otsu	112
Membina Negara Tahan Bencana	113
Mencegah Huru-hara	115
BAHAGIAN TIGA : DASAR PERBATASAN, DASAR <i>FURUSATO</i>	
BAB 1 : LIBERALISASI SOSIAL DAN EKONOMI	117
Kini Giliran Jepun Menjadi Pemimpin Dunia	117
Menarik Barangan dan Maklumat daripada Sekitar Dunia	

<b>BAB II : MEMBINA SATU LEMBAGA YANG MENCERMINKAN WAWASAN KEWILAYAHAN</b>	<b>120</b>
Furusato ialah Rasa Lazat <i>Shinshu Miso</i>	120
Alasan bagi Penempatan Menegak	121
Pentadbiran Kerajaan bagi Wilayah Tempatan	121
Mengurangkan Beban Tokyo	123
Dasar Tanah bagi Tokyo <i>Furusato Kita</i>	125
<b>BAB III : MEMBINA KOTA WILAYAH YANG KREATIF</b>	<b>127</b>
Mengatasi Materialisme dan Keunggulan Ekonomi	127
Menikmati Bersama Perkhidmatan Negara dengan Pusat Daerah	128
Memupuk Budaya Daerah	130
Pusat Maklumat Stesyen Keretapi dan Pejabat Pos	131
Rancangan 'Menggandakan Kebahagiaan'	132
<b>BAB IV : PERKAMPUNGAN BUDAYA</b>	<b>134</b>
Memunculkan Perkampungan yang diperbandarkan	134
Memajukan Pertanian Besar-besaran dan Berteknologi Tinggi	135
<b>BAB V : MENGANTARABANGSAKAN KAWASAN LUAR BANDAR</b>	<b>136</b>
Menggalakkan Pertukaran Antarabangsa di Peringkat Bawah	136
Gerakan <i>Furusato</i> Seluruh Dunia – Membawa Program 'Satu Kampung, Satu Keluaran' ke Luar Negeri	

Mengadakan Acara Antarabangsa Baru di Pusat Daerah	139
<b>BAB VI : KE ARAH DASAR FISKAL YANG DINAMIK</b>	<b>140</b>
Mengecualikan Cucu Cicit Kita daripada Bil Pembangunan	140
Pelaburan yang Menguntungkan yang Tidak Meninggalkan Beban	142
Menubuhkan Dasar Fiskal yang Dinamis	143
Menggalak Pembaharuan Cukai Terbuka	144
Ke Arah Politik Gagasan Berani dan Perlaksanaan Hati-hati	146



## PRAKATA

SEMENJAK selepas Perang Dunia Kedua kedudukan Jepun telah semakin bertambah kukuh dalam pelbagai segi. Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi sepanjang masa tersebut telah membawa satu zaman yang makmur. Rakyat dan negara telah dapat menikmati satu keadaan sosial yang stabil dan di arena antarabangsa Jepun dihormati dan dikagumi.

Semuanya itu berlaku berkat mutu atau kualiti manusia Jepun. Mereka bekerja bertungkus-lumus, dan segala kejayaan yang mereka nikmati sekarang adalah hasil daripada usaha bersama. Mungkin boleh dikatakan bahawa kejayaan negara Jepun adalah kerana kestabilan politiknya dalam satu jangka masa yang bertahun-tahun lamanya. Tetapi perlulah pula diingat bahawa kestabilan politik itu wujud adalah kerana pandangan jauh dan kebijaksanaan orang Jepun memilih pemerintahan mereka.

Dan di samping itu, walau bagaimanapun, kita janganlah sampai melupakan faktor-faktor luaran yang penting. Sepanjang tahun-tahun pemulihan dan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi tersebut, dunia telah bebas daripada sebarang sengketa besar yang boleh menjerumuskan kita ke dalam keadaan yang kacau bilau. Jepun telah mendapat rahmat dari persekitaran antarabangsa yang aman damai. Kecuali untuk beberapa tahun pertama selepas Perang Dunia Kedua, Jepun tidak pernah putus mendapat bekalan sumber-sumber dan makanan yang lebih daripada cukup.

Akan tetapi, hari ini, Jepun telah mendapati dirinya berhadapan dengan 'tembok-tembok' masalah yang baru dan asing. Sistem pendidikannya mengalami pelbagai masalah dan bercelaru. Biaya perubatan semakin meningkat tinggi dan semakin memberatkan beban ekonomi negara. Bilangan orang-orang lanjut usia di kalangan para penduduk juga semakin bertambah dan ini bermakna akan bertambah pula masalah perkhidmatan perubatan dan kesihatan di tahun-tahun yang akan datang. Harga tanah melambung tinggi seakan-akan tanpa batas di pusat-pusat bandar, terutama di Tokyo. Ini telah mengancam

impian penduduk kota yang berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah kediamannya sendiri.

Di bidang diplomasi dan pertahanan, Jepun diseru berulang-ulang agar memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab selaras dengan kedudukannya sebagai satu kuasa besar ekonomi. Sedangkan kewangan negara masih tetap dalam keadaan yang sangat ketat. Walaupun semenjak beberapa tahun yang lalu langkah-langkah berjimat cermat telah dilaksanakan, namun semuanya masih belum memadai untuk membendung aliran 'dakwat merah' dalam imbangan kewangan kerajaan. Ini menyebabkan kerajaan telah terkongkong dalam memilih dasar-dasar yang hendak dilaksanakannya.

Namun demikian, cabaran lebih besar yang dihadapi oleh negara Jepun ialah penyusunan semula ekonomi dan industrinya. Cabaran ini jelas tergambar dengan kenaikan nilai matawang yen yang telah mengakibatkan berbagai-bagai kesulitan perniagaan dan ketidakseimbangan ekonomi luar negeri Jepun. Jumlah dan nilai eksport telah meningkat dengan kadar yang amat tinggi. Pada tahun 1986 sahaja, umpamanya, kelebihan dagangan Jepun telah mencapai angka US\$92.8 bilion, hampir 5 peratus jumlah keseluruhan eksport dunia untuk tahun itu.

Sudah tentu sahaja lebih dagangan yang sedemikian besar akan menjejaskan ekonomi dunia. Sebagaimana dinyatakan tadi, keadaan ini telah mengakibatkan nilai matawang yen meningkat naik berbanding dengan nilai matawang-matawang lain di serata dunia. Seterusnya ini telah mengakibatkan masalah serius terhadap industri eksport Jepun.

Sebahagian wilayah dalam negara telah menghadapi masalah pekerjaan yang tidak stabil dan kemerosotan ekonomi tempatan. Sementara itu jumlah penduduk di Tokyo dan di bandar-bandar besar yang lain terus menggelembung. Sekiranya kawasan luar bandar di serata negara terus-menerus mengalami kekurangan penduduk dan kemerosotan industri, sudah tentu negara akan menghadapi pelbagai ketidakseimbangan yang kritikal.

Masalah-masalah tersebut bukanlah semata-mata berpunca daripada kekuatan nilai yen yang sedang berlaku sekarang. Sebaliknya, asal-usul masalah tersebut mempunyai hubungan yang amat rapat dengan asal usul serta asas struktur perindustrian dan perekonomian sekarang. Struktur seumpama ini tidak dapat mengekalkan keseimbangan tawaran dan permintaan dan pekerjaan dalam negeri tanpa menimbulkan ketidakseimbangan di luar negeri. Pelbagai cabaran yang kita hadapi kini merupakan tanda yang jelas bahawa masyarakat industri Jepun yang dibina semenjak tahun-tahun yang lalu sedang menghadapi satu tembok masalah yang bukan alang kepalang. Hakikat yang sesungguhnya daripada 'tembok' tersebut adalah tanda sempadan atau keterbatasan

terhadap pola-pola pertumbuhan ekonomi kita sekarang.

Kita telah mewarisi satu negeri yang sangat luar biasa. Generasi yang terdahulu telah memberi kita satu tanahair yang diberkati oleh potensi ekonomi yang agung, pelbagai kemahiran teknologi yang canggih, satu masyarakat yang stabil dan hubungan yang damai dengan semua negara di dunia. Oleh kerana itu kita janganlah membazirkan kekuatan-kekuatan Jepun, dan janganlah pula menyalahgunakan pelbagai kelebihannya. Namun begitu, kita mestilah mengukur tembok-tembok masalah yang kita hadapi dan berusaha mewujudkan satu bangsa dan negara yang lebih baik. Kita mestilah mewariskan kepada anak cucu kita kemakmuran yang lebih mewah dan perdamaian yang abadi.

Segala kelebihan yang ada pada kita hari ini janganlah hendaknya diboroskan semata-mata kerana keghairahan hendak mengadakan pelbagai ragam perubahan secara terburu-buru. Namun begitu kita tidak semestinya leka dengan pujian atau berpuas hati dengan *status quo* pelbagai kejayaan yang telah dicapai. Demikian juga, kita jangan sampai lalai terhadap usaha-usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kerjasama antarabangsa.

Hakikat yang sudah jelas ialah bahawa manusia-manusia Jepun dalam era yang lalu bekerja bertungkus-lumus untuk mencapai kemakmuran material. Dan kejayaannya sangatlah mengagumkan. Manakala manusia-manusia Jepun zaman sekarang bertanggungjawab untuk mewujudkan satu bangsa yang layak menikmati kemakmuran itu. Ertinya, di samping mengekalkan pelbagai kekuatan dalam masyarakat perindustrian kita yang sudah sangat maju ini, kita mestilah membentuk masyarakat baru, sebuah masyarakat yang kaya dengan kreativiti dan kepelbagaian, sejajar dengan kemewahan material kita yang melimpah ruah. Kita perlu kesinambungan fikiran terbuka dan kreativiti yang gagah berani.

Ada beberapa sifat utama yang patut menjadi pedoman dalam usaha kita mencapai matlamat-matlamat tersebut. Pertama sekali, kita mestilah berani dan bertekad teguh dalam menentukan corak bangsa yang kita ingini di masa depan. Kita mestilah mempunyai keperkasaan dan semangat penerokaan yang tinggi dalam mencari fikiran-fikiran yang segar dan berani tanpa merasa dirintangi atau dikekang oleh kejadian-kejadian yang lebih awal.

Yang kedua, kita memerlukan kebijaksanaan apabila menggunakan kekuasaan yang telah kita peroleh dalam usaha mencari saluran-saluran baru ke arah kemajuan.

Dan yang ketiga, kita perlulah mengadakan penyesuaian-penyesuaian yang teliti dan terperinci agar cara dan kaedah serta kadar laju kemajuan kita jangan sampai tidak terikuti oleh keupayaan

masyarakat membuat penyesuaian, pendeknya kita perlu: 'Gagasan-gagasan yang berani, pelaksanaan yang teliti.'

Untuk mencapai keseimbangan seumpama itu, bukanlah satu perkara yang mudah. Namun Jepun mempunyai kebijaksanaan dan keupayaan mengubahsuai untuk mencapai pelbagai kejayaan. Saya yakin orang-orang Jepun mempunyai kebolehan dan kekuatan untuk membuka pintu-pintu ke arah masa depan yang lebih cerah. Justeru itu, saya berpendapat bahawa cabaran utama politik masa depan di Jepun ialah bagaimana untuk mencungkil dan menggunakan pelbagai kebolehan dan kekuatan tersebut.

Dalam buku ini saya ingin membentangkan tanggapan saya terhadap Jepun masa sekarang, serta segala masalah yang dihadapinya. Dan yang lebih penting lagi saya ingin membincangkan jalan yang mesti ditempuh untuk melangkahi tembok-tembok masalah di hadapan kita untuk seterusnya merintis jalan ke arah pertumbuhan baru. Saya yakin penyelesaian terhadap pelbagai masalah tersebut dapat kita peroleh melalui satu citra atau gagasan yang telah bertahun-tahun menjadi pegangan saya: Kekreatifan *furusato*.

*Furusato* adalah sepatah perkataan yang istimewa bagi orang-orang Jepun. Bagi kebanyakan kita, perkataan ini bermakna kampung halaman, kota asal tempat kelahiran kita. Tetapi maknanya lebih daripada itu. Perkataan tersebut menimbulkan nilai-nilai ikatan kekeluargaan dan hubungan sosial yang rukun damai. *Furusato* adalah kampung halaman atau tempat di mana jiwa raga kita berasal, dan tanpa disedari kita tahu bahawa di sanalah tempat pautan hati sepanjang masa.

Apabila saya mengatakan kekreatifan *furusato*, maksudnya bukanlah sekadar membangun atau mengerjakan tanah atau meningkatkan ekonomi tempatan sahaja. Sebaliknya yang tergambar dalam fikiran saya mengenai konsep *furusato* itu ialah orang-orang Jepun yang yakin tentang keperibadiannya, giat dan gigih membangun sebuah negara yang dapat memberikan satu kehidupan yang terjamin di atas yang kukuh untuk pelbagai kegiatan. Pembangunan ini juga bermakna meletakkan dan membina asas-asas yang kukuh di bidang sosial, kebudayaan dan ekonomi agar dengan demikian generasi-generasi di masa depan akan mempunyai *furusatonya* masing-masing walau di mana pun mereka tinggal. Dan untuk mencapai semuanya itu bermaknalah merombak konsep kerajaan pada setiap peringkat dari bawah ke atas. Ini bermakna melancarkan satu perubahan yang radikal di setiap bidang di negara Jepun, mulai daripada struktur industri dan ekonominya membawa kepada teknologi serta sistem sosial dan organisasinya.

Saya yakin, usaha-usaha seumpama ini akan membuka jalan ke arah kewujudan sebuah negara Jepun yang dapat memenuhi harapan-harapan dunia, iaitu sebuah negara yang makmur, satu bangsa yang

berbudaya mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh yang bakal menjadi satu warisan yang membanggakan bagi generasi yang akan datang.

### Jepun: Sebuah Negara yang Luar Biasa

Saya benar-benar yakin bahawa Jepun hari ini adalah sebuah negara yang luar biasa.

Pertama sekali, kemakmurannya amatlah ketara. Pada tahun 1986, Keluaran Negara Kasar (KNK) untuk setiap penduduknya (per kapita KNK) sudah mencapai angka US\$16,301 (mengikut anggaran Dewan Perancang Ekonomi), setaraf dengan Amerika Syarikat sebagai sebuah daripada dua buah negara yang terkaya di dunia. Angka KNK Jepun untuk tahun 1986 itu tadi, meningkat lebih tinggi pada tahun 1987, sehingga Jepun menjadi negara nombor satu yang tidak tertandingi lagi.

Tetapi banyak lagi yang boleh disebut tentang keluarbiasaan Jepun ini. Dibandingkan dengan negara-negara lain, jurang antara yang kaya dengan yang miskin di Jepun ketara sekali kecilnya. Pendapatan 20 peratus yang terkaya di kalangan seluruh penduduk hanyalah 2.9 kali ganda lebih daripada pendapatan golongan 20 peratus yang termiskin. Sebagai bandingan di Amerika Syarikat, 20 peratus yang terkaya di kalangan penduduknya mempunyai pendapatan 9.1 kali ganda lebih daripada pendapatan 20 peratus yang termiskin. Di kebanyakan negara perindustrian yang lain, 20 peratus yang terkaya berpendapatan 10 kali ganda lebih daripada pendapatan 20 peratus yang termiskin. Di negara-negara yang sedang membangun, jurang tersebut sangat lebar dan amat menjolok mata. Memang benar bahawa di Jepun masih terdapat orang-orang miskin, dan kita menyedari bahawa keadaan mereka mestilah diperbaiki. Namun, dilihat secara keseluruhan kejayaan kita amatlah mengkagumkan dalam usaha pengagihan kekayaan yang lebih sama rata.

Kestabilan harga barang-barang pun juga adalah luar biasa. Pada tahun 1986, kekuatan nilai matawang yen telah menyebabkan turunnya harga barang-barang import, dan indeks harga barang-barang pengguna tidak sedikit pun memperlihatkan tanda-tanda kenaikan. Demikian pula halnya peluang-peluang pekerjaan. Walaupun kadar pengangguran di Jepun telah melebihi angka 3 peratus, namun berbanding dengan negara-negara utama yang lain, kadar tersebut di Jepun amatlah rendah.

Walaupun ancaman pengangguran mulai bertambah di sebahagian daerah yang mempunyai tumpukan industri-industri yang merosot, namun berbanding dengan negara-negara yang lain, keadaan pekerjaan di Jepun masih dapat dianggap mengembirakan.

Seorang ahli politik Amerika pernah menganggap kadar inflasi dan kadar pengangguran sebagai 'indikator kesugulan'. Jika istilahnya boleh

diubah sedikit maka saya percaya bahawa Jepun hari ini sedang menikmati satu kadar 'kegembiraan' yang belum pernah tertandingi.

Berita-berita baik ini tidaklah terbatas setakat kemewahan ekonomi negara sahaja. Jika kita perhatikan peluang pendidikan, kadar kemajuan ke arah peringkat persekolahan yang lebih tinggi di Jepun adalah yang paling pesat di serata dunia. Setidak-tidaknya dari segi jumlah kemajuan di bidang pendidikan Jepun tidak ada tandingannya.

Orang-orang Jepun juga menikmati taraf kesihatan yang luar biasa. Menurut Kementerian Kesihatan dan Kebajikan, purata usia hidup di Jepun sekarang ialah 80.93 tahun untuk wanita dan 75.23 tahun untuk lelaki — kedua-duanya yang tertinggi di dunia. Kesihatan awam pun juga amat baik, dan wabak penyakit berjangkit yang berbahaya tidak pernah terjadi. Dalam keadaan seluruh dunia diancam oleh ketakutan terhadap kuman penyakit AID, kejadian penyakit itu di Jepun amatlah sedikit dan kadar merebaknya adalah lambat. Memanglah kita sedar bahawa langkah berjaga-jaga terhadap ancaman kuman maut itu, mestilah diberi perhatian yang wajar.

Masyarakat Jepun adalah juga sebuah masyarakat yang paling stabil. Jenayah-jenayah yang bersifat keras dan ganas sangatlah jarang, kejadian pembunuhan untuk setiap 100,000 penduduk hanya satu per lima berbanding dengan Amerika Syarikat dan satu pertiga berbanding dengan negara-negara Eropah. Di samping itu, polis Jepun juga telah mencatatkan kadar penangkapan yang tinggi. Sementara itu, pertelingkahan buruh telah berkurangan. Bilangan hari-hari kerja yang membazir setiap tahun kerana pemogokan sangatlah rendah berbanding dengan pembaziran yang berlaku di negara-negara perindustrian yang lain. Kadar kemalangan industri pun adalah yang paling rendah di serata dunia.

Jepun juga sudah cukup maju di bidang pelbagai perkhidmatan untuk kemudahan awam dalam masyarakat moden. Sistem pengangkutan awamnya sudah cukup maju dan berjaya memberikan perkhidmatan yang cepat, cekap, kerap dan dapat diharap.

Pemilikan kenderaan sendiri masih agak terkebelakang sedikit berbanding dengan Amerika Syarikat dan Eropah, dan sistem lebuhraya masih belum memadai, namun demikian di bidang ini pun kemajuan yang pesat sedang dicapai. Infrastruktur telekomunikasi dan penerangan Jepun, termasuk telefon dan televisyen, semuanya sudah berkembang maju. Sebarang bentuk maklumat dapat dikirimkan dengan segera ke mana sahaja di seluruh negara.

Malah di bidang perumahan, bidang yang dikatakan Jepun masih tertinggal jauh di belakang, banyak kemajuan yang telah dicapai semenjak beberapa tahun yang akhir ini. Hanya tanahlah yang menjadi masalah utama dan sekiranya ini dapat diselesaikan maka masa depan

nampaknya cukup cerah. Memang infrastruktur sosial Jepun masih belum memadai, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa usaha-usaha menyempurnakannya berlangsung dengan pesat.

Namun begitu bagi setiap rakyat biasa Jepun, sumber kebahagiaan yang besar, tidak syak lagi, ialah perdamaian. Selama lebih 40 tahun semenjak Perang Dunia II, Jepun tidak pernah merasakan kemusnahan akibat peperangan. Demikian pula, tidak seorang pun orang Jepun yang dihantar ke medan pertempuran. Saya rasa tidaklah banyak contoh-contoh lain dalam sejarah di mana keamanan kekal sedemikian lama.

### **Perdamaian dan Kemakmuran Hasil daripada Kerajinan Bekerja, Keterbukaan Fikiran dan Keberuntungan Nasib**

Lebih 40 tahun yang lalu, tidak berapa lama setelah berakhirnya Perang Pasifik, saya bertugas sebagai seorang guru sekolah menengah di kawasan luar bandar yang terpencil di Prefektur Shimane. Terus terang saya katakan, melihat kehancuran akibat kalah perang pada waktu itu, tidak pernah terlintas dalam fikiran saya bahawa saya akan terus hidup untuk menyaksikan kemakmuran yang wujud hari ini.

Saya juga tidak pernah menduga bahawa dalam hidup saya, saya akan dapat menyaksikan Jepun mengekalkan kestabilan sosial, malah mengadakan hubungan persahabatan hampir dengan setiap negara di serata dunia. Bukan saya seorang sahaja yang beranggapan seperti itu. Saya percaya hampir setiap orang di Jepun mempunyai perasaan yang sama seperti saya.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi yang dicapai oleh Jepun pada tahun-tahun selepas peperangan dan dapat dikekalkan hingga sekarang, sering dianggap sebagai satu 'keajaiban.' Saya tidak pernah menganggap kenyataan seperti itu sebagai sesuatu yang dilebih-lebihkan. Untuk selama 30 tahun terus-menerus antara tahun 1956 hingga 1985, Jepun telah mengalami pertumbuhan ekonomi purata 10 peratus setiap tahun. Hal seumpama ini tidak pernah terjadi sepanjang 6,000 tahun sejarah manusia di sesebuah negara.

Kejayaan yang mengagumkan ini telah dicapai oleh Jepun selepas perang, seperti saya katakan tadi, kerana orang-orang Jepun adalah manusia luar biasa. Mereka bekerja keras tanpa disuruh, mereka menyedut ilmu pengetahuan dan teknologi yang maju dari negara-negara asing dan tanpa mengenal penat mereka berganding bahu melangkah ke hadapan membangunkan negara mereka. Sekali lagi, seperti dinyatakan tadi, kestabilan politik yang telah dinikmati oleh Jepun selama bertahun-tahun itu, adalah faktor pendorong yang utama yang telah memungkinkan pelbagai kejayaan tersebut. Pemimpin-pemimpin perniagaan dan orang-orang awam semuanya secara tersirat menyakini

dan menyokong kesinambungan dasar kerajaan. Kebijaksanaan dan pandangan jauh rakyat dalam memilih kerajaan dan cara pemerintahan ini, sememangnya patut dialu-alukan.

Sementara itu, walau bagaimanapun patutlah diakui bahawa suasana antarabangsa juga telah melahirkan keadaan yang menguntungkan Jepun. Walaupun dunia tidak dapat dikatakan menikmati perdamaian yang sempurna selepas Perang Pasifik, namun tidak ada sebarang peperangan besar yang berlaku yang telah membabitkan Jepun. Tidak pernah sekalipun negara ini mengalami kekurangan bekalan makanan dan sumber-sumber alam.

Di bidang ekonomi antarabangsa pada tahun-tahun pemulihan selepas perang, kita telah menyaksikan perkembangan perdagangan bebas dalam rangka GATT dan IMF yang masing-masing disertai oleh Jepun pada tahun 1955 dan 1952. Kemajuan teknologi dan penemuan telaga-telaga minyak di Timur Tengah telah menyempurnakan lagi pelbagai keutamaan atau manfaat yang dinikmati oleh Jepun dan dengan demikian bekalan makanan dan sumber-sumber asli alam tetap terjamin dalam jumlah yang banyak dan dengan harga yang disanggupi.

Bagi sebuah negara yang kebanyakan keperluan hariannya bergantung kepada bekalan import, sudah tentu keadaan tersebut merupakan satu perkembangan yang amat dialu-alukan.

Kita janganlah sampai melupakan peranan penting yang dimainkan oleh sistem perdagangan bebas yang didukung oleh Amerika Syarikat dan negara-negara dunia bebas yang lain yang telah memberi sumbangan terhadap perdamaian dan kemakmuran Jepun hari ini. Perkembangan teknologi juga merupakan satu faktor yang amat penting. Namun ini pun adalah berkat kebijaksanaan Jepun menempuh liku-liku diplomasi yang sekaligus memberinya kedudukan sebagai anggota dunia bebas sambil menjalin hubungan persahabatan dengan semua bangsa.

Kita janganlah sampai mempersia-siakan warisan yang luar biasa ini. Semua ini telah dibina oleh generasi sebelum kita dengan segala titik peluh, kebijaksanaan dan pandangan jauh serta suasana sekeliling yang kebetulan turut membawa tuah. Semua warisan ini telah dipertanggungjawabkan kepada kita. Adalah menjadi tanggungjawab kita pula untuk mewariskan kepada generasi berikut sebuah negara yang lebih bahagia, lebih makmur, dihormati umat manusia serata dunia, dan diberi kedudukan yang terhormat dalam masyarakat antarabangsa. Apabila saya membandingkan kemiskinan 40 tahun yang lalu dengan kemewahan yang ada sekarang, saya tidak dapat mengelakkan diri daripada merasakan satu beban sejarah yang dipertanggungjawabkan kepada generasi kita.

## Tembok-tembok yang Kita Hadapi

Jepun telah menjadi sebuah negara yang makmur, selesa dan selamat. Ia mempunyai keupayaan pengeluaran yang amat besar dan teknologi yang luar biasa. Namun demikian bukanlah satu perkara yang mudah untuk meneruskan pembangunan negara ini dalam usaha mencapai kebahagiaan yang lebih sempurna. Ini adalah kerana Jepun sekarang berhadapan dengan tembok-tembok tinggi yang menghalang kemajuannya.

Sistem pendidikan Jepun dibebani oleh berbagai-bagai masalah, walaupun telah berkali-kali diusahakan untuk merombaknya. Jepun mendahului negara-negara lain di dunia ini di bidang pendidikan dasar dan dalam kadar kemajuan untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah atas. Prestasi peperiksaan pelajar-pelajar sekolah menengah rendah dan sekolah menengah tinggi Jepun sangatlah tinggi mengikut ukuran antarabangsa. Dari segi kuantiti pendidikan dan dari segi penguasaan para pelajar terhadap pengetahuan dan kemahiran, memang tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan Jepun adalah unggul. Namun para pengkritik terus mengingatkan tentang bahaya yang timbul akibat budaya 'pak turut' yang keterlaluan. Seperti yang berlaku kini sistem tersebut telah mengakibatkan persaingan yang semakin sengit untuk lulus peperiksaan memasuki sekolah-sekolah yang ternama. Ini telah mengakibatkan bercambahnya sekolah-sekolah swasta dalam bentuk kelas bimbingan yang menekankan penghafalan pelajaran secara berlebihan-lebihan, semata-mata untuk tujuan lulus peperiksaan. Sekolah-sekolah tersebut telah mengambil kesempatan dengan mengenakan bayaran yuran yang tinggi. Kerana terpaksa ramailah juga para pelajar yang memasuki sekolah-sekolah seumpama itu walaupun dengan bayaran yang mahal dan dengan demikian mereka telah menjadi tawanan pasaran yang tidak dapat mengelak lagi. Para pelajar terpaksa menghadapi persaingan yang sangat sengit manakala ibu bapa mereka terpaksa memikul beban kewangan yang sangat berat.

Begitu juga kita tidak dapat lari daripada masalah pemeliharaan kesihatan yang semakin meningkat. Sebanyak 6.3 peratus daripada ekonomi negara setiap tahun terpaksa diperuntukkan bagi biaya perubatan, dan jumlah ini semakin meningkat setiap tahun. Apabila kita fikirkan bahawa jumlah penduduk yang lanjut umur semakin bertambah dengan pesatnya, maka jelaslah bahawa tugas menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih bermutu dan dengan bayaran yang lebih wajar, merupakan satu isu kebangsaan yang mendesak.

Selanjutnya kita juga berhadapan dengan masalah harga tanah yang semakin tinggi melangit di beberapa bandaraya utama Jepun. Impian penduduk bandaraya untuk memiliki rumah sendiri sering tidak

terlaksana, kerana untuk membeli sebuah rumah yang sangat sederhana pun harganya telah meningkat kepada ratusan juta yen. Projek-projek kerja awam juga telah semakin sulit untuk diusahakan, manakala syarikat-syarikat swasta pula telah dibebani oleh biaya sewa pejabat yang amat mahal. Sewa bangunan di Tokyo tiga atau empat kali ganda lebih tinggi berbanding dengan sewa di bandaraya-bandaraya utama yang lain serta dunia. Tentu sahaja ini akan menjejaskan persaingan antarabangsa di bidang industri maklumat dan kerja kreatif.

Jepun juga menghadapi cabaran-cabaran baru di bidang diplomasi. Ia menduduki tempat selamat dan sangat menguntungkan dalam sistem perdagangan bebas yang dibina dan didukung terutamanya oleh usaha-usaha Amerika Syarikat. Tetapi tanggungjawab Jepun dalam mendukung sistem perdagangan bebas itu amatlah ringan. Kita diberi keistimewaan ini semasa kedudukan politik kita lemah dan keadaan ekonomi kita belum terpancang. Tetapi hari ini Jepun memiliki 15 peratus daripada seluruh jumlah Keluaran Negara Kasar serata dunia. Ia adalah pemberi pinjaman tunggal yang tersebar di muka bumi ini. Dengan keadaan ini Jepun sudah tentu tidak boleh secara membuta tuli mengejar keuntungan sendiri sambil berpeluk tubuh di pinggiriran masyarakat antarabangsa.

Jepun hari ini mestilah menerima tanggungjawabnya yang setimpal dalam lingkungan masyarakat dunia, bukan sahaja di bidang ekonomi tetapi juga politik dan pertahanan. Dalam usaha kita melaksanakan tanggungjawab dan memikul beban masyarakat antarabangsa itu memanglah tidak mudah untuk bertindak sekehendak hati mengikut pandangan jangka panjang kita sendiri. Ada kalanya kita terpaksa melakukan pengorbanan-pengorbanan besar. Ada kalanya kita terpaksa membuat keputusan-keputusan berani. Dan dengan kuasa ekonominya yang sangat besar itu, sesungguhnya Jepun tidak mempunyai pilihan lain lagi. Bangsa baru Jepun mestilah menyusun satu bentuk pemerintahan dan memiliki satu rangka fikiran demi memenuhi pelbagai tanggungjawabnya di kalangan antarabangsa sambil membina satu bangsa dan negara yang layak mendapat kepercayaan dan penghormatan dunia.

Berhadapan dengan pelbagai tanggungjawab dan masalah baru ini, kewangan negara Jepun tetap berada dalam keadaan yang rapuh. Pada tahun-tahun semasa saya menjadi Menteri Kewangan, kita tidak henti-henti berusaha mengawal dan membatasi perbelanjaan kerajaan serta memperkemas struktur pentadbiran. Namun demikian kita masih gagal membebaskan kerajaan daripada belunggu defisit. Krisis kewangan ini boleh mempersempit dan membatasi pilihan-pilihan yang boleh diambil oleh kerajaan dalam menentukan dasarnya. Dan ini semakin menyulitkan usaha menyelesaikan pelbagai masalah yang kita hadapi.

Di samping pelbagai isu yang telah saya sentuh, kita juga berhadapan dengan cabaran dan masalah yang muncul bersama penduduk kita yang semakin tua. Peratus penduduk kita yang berumur 65 tahun atau lebih telah meningkat daripada 7.1 peratus (dari) jumlah seluruh penduduk pada tahun 1970 kepada 10.3 peratus pada tahun 1987. Menjelang tahun 2000 angka tersebut dijangka akan meningkat kepada 16.3 peratus. Ini bermakna bahawa dalam masa 13 tahun yang akan datang, kadar pertambahan bilangan orang-orang yang lanjut usia dalam masyarakat kita akan dua kali ganda lebih cepat meningkat berbanding dengan apa yang berlaku dalam masa 17 tahun yang lalu. Sementara itu peratus penduduk dalam lingkungan pertengahan umur juga akan meningkat, manakala bilangan kanak-kanak akan merosot dengan pesat. Jadi di tahun-tahun yang akan datang Jepun akan mengalami transformasi penduduk yang luar biasa dan tidak pernah terdengar sebelumnya.

Perubahan yang amat besar ini sudah tentu sahaja akan menambah beban kewangan kerajaan untuk membayar pencen dan membiayai perkhidmatan kesihatan. Memandangkan kesulitan kewangan yang sedang dialami oleh kerajaan, jelaslah bahawa kita tidak mempunyai jawapan yang mudah untuk menyelesaikan masalah ini. Dan kita faham bahawa penyelesaian tidak akan diperoleh dengan memberatkan lagi beban pembayar cukai. Sebaliknya kita janganlah bertanggung-tanggung lagi membina apa yang saya sebutkan sebagai 'kerajaan kecil yang peka', iaitu sebuah kerajaan yang dapat melaksanakan pengurusan kewangan yang lebih anjal sambil memperkenalkan kegiatan ekonomi negara yang penuh tenaga.

Tetapi cabaran yang muncul bersama penduduk yang semakin tua itu tidak terbatas kepada masalah kewangan sahaja. Perubahan yang berlaku ini akan menukarkan wajah masyarakat dan birai-birai kebudayaan kita. Jepun mestilah mulai memikirkan peralihan masyarakat semasa, dengan penekanannya terhadap keremajaan, kepada apa yang saya namakan sebagai 'Masyarakat Pro-Orang Tua', sesuai dengan keadaan dunia dengan jumlah orang yang lanjut umur di kalangan penduduknya sudah semakin tinggi. Kita memerlukan sebuah masyarakat yang tidak melentur dan bergelung menentang umur, tetapi sebaliknya berusaha membina satu kehidupan yang lebih sempurna untuk warga tua mereka.

### **Transformasi Struktur yang Tidak Dapat dielakkan**

Daripada pelbagai masalah yang sangat membebankan itu, maka yang paling besar dan paling mendesak ialah ketidakseimbangan ekonomi luar negeri Jepun serta perubahan struktur industri dan ekonominya yang tidak dapat dielakkan.

Perdagangan dunia pada tahun 1986 (tidak termasuk Soviet Rusia dan blok negara-negara Eropah Timur yang lain) berjumlah lebih kurang US\$2 triliun. Sepuluh peratus daripada jumlah tersebut adalah perdagangan Jepun. Selain itu Jepun juga telah mencatatkan lebih dagangan sejumlah US\$ 92.8 bilion pada tahun tersebut; dan jumlah ini (US\$92.8 bilion) adalah 4.7 peratus daripada keseluruhan perdagangan dunia. Sekiranya Jepun terus menerus-mengalami lebih dagangan dengan jumlah yang sangat besar itu, maka akibatnya nanti ialah, wujudnya satu gambaran yang keliru dalam interaksi ekonomi antarabangsa yang akhirnya nanti akan menjejaskan ekonomi dunia secara keseluruhan. Marilah kita hadapi kenyataan bahawa: lebih dagangan Jepun sekarang sangatlah besar dan kerana itu wajiblah dianggap sebagai tidak normal dalam rangka ekonomi antarabangsa sekarang.

Memang inilah sebabnya kenapa kita perhatikan nilai yen meningkat naik dengan pesatnya semenjak musim gugur tahun 1985. Kenaikan nilai yen adalah alat yang digunakan untuk mengubah persaingan harga antarabangsa dan dengan demikian mewujudkan kembali kestabilan. Kita mestilah mengakui bahawa nilai yen yang kuat telah meningkatkan pendapatan dan aset kita. Tidak syak lagi bahawa para pengguna telah memperoleh keuntungan dengan kejatuhan harga barang-barang import, sebagai satu contoh. Namun begitu, nilai yen yang kuat telah merupakan satu tamparan terhadap industri eksport, manakala persaingan yang semakin meningkat daripada barangan import telah membinasakan ekonomi perlombongan arang batu dan industri-industri intensif-buruh yang lain. Demikianlah, nilai yen yang kuat telah menghamparkan satu bayangan muram terhadap ekonomi tempatan akibat kehilangan peluang bekerja di daerah-daerah yang ekonominya berasaskan industri intensif-buruh itu.

Tetapi masalahnya bukanlah setakat itu sahaja. Dalam perusahaan otomobil dan alat elektronik pengguna serta elektronik industri — iaitu dua sektor yang telah memberikan sumbangan terhadap pertumbuhan Jepun di masa lalu — sekarang telah ada usaha-usaha baru memindahkan kilang-kilang kedua perusahaan tersebut ke luar negeri demi mendapat-kemudahan yang lebih baik, iaitu biaya pengeluaran yang lebih rendah. Pembinaan kilang-kilang baru di luar negeri memanglah akan menolong meningkatkan peluang pekerjaan dan dengan demikian memberi sumbangan terhadap perekonomian negara-negara tuan rumah. Dan usaha seumpama ini memanglah sesuatu yang patut kita puji. Namun kita tidak dapat menafikan kemungkinan bahawa memindahkan kilang-kilang ke luar negeri dengan sendirinya akan menjejaskan pengeluaran dalam negeri dan ini akan menyebabkan tergendatnya ekonomi tempatan Jepun. Selain itu, suara-suara sekarang semakin

lantang terdengar, baik di dalam mahu pun di luar negeri, yang menyeru supaya ditingkatkan import pertanian dan import barangan yang lain. Justeru itu, negara mestilah bertindak menilai kembali secara radikal dasar pertaniannya sambil menghadapi masalah-masalah yang lain.

Setidak-tidaknya sehingga tahun 1986 ekonomi dalam negeri Jepun masih dapat mengekalkan keseimbangan yang jitu. Namun begitu, semenjak akhir tahun enam puluhan, negara mulai mengalami lebih dagangan yang semakin meningkat. Kecuali dalam satu jangka waktu yang pendek semasa tahun-tahun krisis minyak, lebih dagangan tersebut telah memperlihatkan tanda-tanda terus meningkat. Berbangkit daripada ketidakseimbangan luaran tersebut, nilai yen yang kuat itu sepatutnya dapat membatasinya ke satu tahap yang terkawal. Tetapi keadaan ini telah membawa kepada ketidakseimbangan dalam negeri Jepun sendiri, dan ini adalah satu kenyataan yang amat jelas bahawa struktur ekonomi Jepun lebih cenderung kepada bekalan yang berlebihan dan tuntutan yang tidak mencukupi. Sebagai yang wujud sekarang, ekonomi Jepun tidak akan dapat mengekalkan keutuhannya tanpa lebih dagangan yang sangat besar.

Keadaan ini menjelaskan kepada kita bahawa ketidakseimbangan tersebut bukanlah satu masalah yang dapat diselesaikan dengan menghapuskan sisa-sisa sekatan dagangan atau secara sukarela mengurangkan kadar eksport sebagai satu tindakan jangka pendek. Dan penyelesaian itu juga tidak akan dapat dicapai walaupun badan-badan perniagaan bersedia menjerut diri masing-masing untuk menurunkan harga ke paras yang masih memungkinkan mereka hidup dengan perdagangan eksport dalam keadaan nilai yen yang tetap kuat itu. Sebarang penyelesaian asasi memerlukan penyusunan yang radikal terhadap seluruh ekonomi Jepun untuk jangka masa sederhana dan panjang.

## **Rahmat dan Rintangan dalam Membina Sebuah Masyarakat Perindustrian**

Telah 30 tahun masa berlalu semenjak saya bagi pertama kalinya memenangi kerusi di Majlis Diet. Ditambah dengan masa saya menjadi ahli dewan perundangan di daerah kelahiran sendiri di Prefektur Shimane, kerjaya saya dalam politik telah menjangkau masa 40 tahun.

Sepanjang tahun-tahun tersebut, saya telah menolong melaksanakan berbagai-bagai dasar. Apabila saya menoleh kembali ke belakang, saya dapati sebahagian besar daripada matlamat dasar-dasar tersebut telah tercapai. Namun begitu, sekarang kita dapati diri kita berhadapan dengan serangkaian masalah yang berbeza daripada sebarang masalah sebelumnya. Semuanya itu adalah ibarat tembok-tembok yang terpaksa

dihadapi oleh sebuah negara Jepun yang makmur, dan justeru semua masalah tersebut wujud akibat daripada kemakmuran itu sendiri. Dan sesungguhnya semua itu boleh kita sebut sebagai 'batas-batas kepada kemakmuran.'

Kita tidak boleh membiarkan diri kita disekat oleh tembok-tembok ini. Adalah mustahil bagi masyarakat dan bagi ekonomi untuk berhenti walau sesaat pun. Kebekuan akan membawa kemerosotan dan keraguan akan membawa kemunduran. Jika kita hendak mewariskan sebuah negara Jepun yang lebih baik kepada generasi yang akan datang, maka kita mestilah mengatasi tembok-tembok masalah tersebut sambil mewujudkan satu kemakmuran baru.

Apabila saya memikirkan masalah yang pelbagai ragam ini, mula-mula saya bertanya kepada diri sendiri: kenapakah Jepun menghadapi kesukaran yang begitu besar pada masa sekarang? Apakah isu yang menjadi punca tiap-tiap satu daripada cabaran tersebut? Saya bertanya adakah masyarakat dan ekonomi kita tidak mengalami sesuatu perubahan yang asasi, iaitu perubahan yang telah menafikan andaian-andaian kita pada masa lalu. Jika memang itu yang berlaku, maka pemikiran kita perlulah diubah secara menyeluruh. Barangkali perubahan cara berfikir yang menyeluruh itulah yang diperlukan untuk mengatasi pelbagai tembok masalah yang nampaknya sekarang menghalang kemajuan kita. Sesungguhnya masalah-masalah yang mungkin kita tanggapi sebagai tembok itulah yang nanti tanpa disangka-sangka terbukti menjadi jambatan yang akan kita tempuh menuju ke arah kemakmuran yang lebih mewah. Fikiran-fikiran seumpama itulah yang datang berulang-ulang semenjak akhir-akhir ini.

Jalan fikiran yang seumpama ini telah menyedarkan saya bahawa masyarakat Jepun, seperti yang kita ketahui hari ini, secara yang amat luar biasa telah begitu sehati dengan pengeluaran industri. Dan semenjak beberapa waktu yang lalu kita telah mendengar Jepun disebut sebagai kuasa raksasa ekonomi. Keluaran Negara Kasar per kapitanya adalah yang tertinggi di dunia; lebih dagangannya amatlah besar. Namun begitu saya merasa ragu kiranya ada di antara kita yang mendakwa bahawa kehidupan atau keadaan minda kita sejajar, seperti yang mungkin diduga, dengan kemakmuran ekonomi kita yang sangat mewah itu. Memanglah pengeluaran Jepun jauh lebih besar daripada keperluannya. Sebenarnya hanyalah perindustrian yang boleh berbangga dengan keupayaan yang demikian hebat di bidang pengeluaran dan persaingan.

Pertanian Jepun menanggung pelbagai kesukaran dan keterbatasan. Antara lain kerana keadaan alam semula jadi, pengeluaran pertanian itu sangatlah sederhana dan keupayaannya untuk bersaing di arena antarabangsa sangatlah lemah. Demikian pula kita tidak dapat mengatakan

bahawa industri perkhidmatan dan distribusi telah mencapai taraf kecekapan yang istimewa. Berbanding dengan ketinggian daya pengeluaran Jepun di sektor pengeluaran, sektor distribusi masih jauh tertinggal di belakang.

Jika diteliti sungguh-sungguh, sebenarnya Jepun bukanlah satu kuasa raksasa ekonomi. Dan oleh kerana hasil industrinya adalah ibarat tulang belakang kepada perdagangan antarabangsa, eksport Jepun pun meningkat dan kerana itu meningkat pulalah lebih pembayaran antarabangsa, maka dengan demikian kadar tukaran yen pun turut melambung. Apabila dikatakan bahawa KNK per kapita Jepun ialah yang tertinggi di dunia, maka angka-angka yang membawa kepada kesimpulan sedemikian adalah berpunca daripada kadar pertukaran matawang yang kebanyakannya ditentukan oleh keupayaan persaingan industri Jepun di arena antarabangsa.

Yang sebenarnya Jepun tidaklah dapat hidup hanya dengan barang-barang buatan sahaja. Kita perlu membeli hasil pertanian dan pelbagai perkhidmatan. Malah barang-barang buatan pun terpaksa melalui sistem distribusi yang rumit yang menyebabkan harganya meningkat naik apabila sampai ke tangga para pengguna. Dengan demikian kita dapati kehidupan sehari-hari kita jauh kurang makmur daripada yang dibayangkan oleh angka-angka KNK yang cemerlang itu.

Masyarakat jenis apakah sebenarnya yang sesuai dengan pengeluaran industri? Jawabnya ialah: masyarakat yang dapat mengeluarkan barang-barang baku yang bermutu tinggi serta menghasilkannya dengan harga yang murah dan jumlah yang banyak. Ini boleh berlaku kerana adanya kemajuan teknologi dan kemudahan-kemudahan yang unggul yang dimiliki oleh perindustrian moden yang dengan sendirinya mengurangkan kos pengeluaran untuk tiap-tiap unit dan di samping itu meningkatkan mutu barangan yang dikeluarkan secara besar-besaran itu.

Memanglah hal ini juga memerlukan penduduk yang rajin. Semua itu memerlukan sebilangan besar orang yang dapat memahami teknologi maju. Untuk itu masyarakat mestilah memberi keutamaan terhadap nilai-nilai disiplin; institusi-institusi masyarakat mestilah mempunyai daya tahan yang tinggi dan infrastrukturnya mestilah mempunyai keupayaan untuk menyalurkan penerangan dengan cepat dan tepat. Satu syarat lain ialah penduduk yang mempunyai rasa tanggungjawab yang kuat dan hasrat yang senantiasa membara untuk memperbaiki nasib. Satu faktor penting yang terakhir ialah keadaan politik yang stabil yang dapat memberi saluran terhadap tradisi-tradisi sosial dan usaha-usaha perseorangan serta dapat pula mengekalkan minat mereka terhadap usaha-usaha pengeluaran.

Kerana Jepun telah begitu bernasib baik dapat memenuhi semua syara tersebut, maka ia telah berjaya membina kekuatan industri yang

menimbulkan kekaguman dan rasa iri hati di serata dunia. Kedudukan seperti itulah yang menjadi matlamat dasar kerajaan pada masa lalu. Dengan perkataan lain, hampir seluruh dasar kerajaan pada masa lalu telah dirangka untuk mewujudkan sebuah masyarakat industri yang canggih. Sekarang, setelah dasar-dasar tersebut mencapai kejayaan, maka masyarakat Jepun telah menghadapi pula satu tembok baru, iaitu satu tembok masalah yang wujud kerana Jepun telah makmur. Tembok masalah itu muncul kerana Jepun telah mencapai matlamatnya.

### **Mengatasi Empat Ketergantungan**

Jepun ingin membentuk sebuah masyarakat industri yang canggih, dan semuanya itu telah pun terlaksana. Dalam hubungan ini barangkali Jepun adalah negara yang paling berjaya di maya pada ini. Semuanya itu telah tercapai antara lain kerana hampir seluruh dasar kerajaan semenjak 40 tahun yang lalu telah memberi sumbangan terhadap pencapaian matlamat tersebut. Namun demikian, sebagai salah satu akibat daripada pencapaian tersebut Jepun moden telah ditunggangi oleh serangkaian masalah yang barangkali sangat tepat jika disebut 'empat ketergantungan.'

Yang pertama ialah ketergantungan yang berlebihan terhadap sektor pengeluaran dalam struktur perindustrian negara. Yang kedua, ketergantungan yang berlebihan terhadap eksport dalam struktur penawaran dan permintaan. Yang ketiga, ketergantungan yang berlebihan terhadap budaya orang-orang muda. Yang keempat, ketergantungan yang berlebihan terhadap daerah metropolitan Tokyo dalam struktur kedaerahan negara.

Tembok-tembok masalah yang dihadapi oleh Jepun sekarang bersilang-siur antara empat ketergantungan tersebut yang berhubung kait antara satu dengan lain. Dengan perkataan lain, semuanya berasal daripada punca yang sama iaitu daripada masyarakat perindustrian yang canggih yang menghuni negara Jepun kini.

Tidaklah perlu bagi saya menjelaskan lagi di sini bahawa ketergantungan terhadap industri sekarang berpunca daripada kesesuaian masyarakat perindustrian Jepun tersebut dengan corak atau keupayaan pengeluaran secara besar-besaran. Saya yakin, adalah jelas bahawa berbanding dengan sektor lain dalam masyarakat Jepun, sektor yang sangat besar ini iaitu sektor perindustrian mempunyai keupayaan persaingan yang jauh lebih tinggi dalam arena antarabangsa; dan ini adalah kerana keupayaan negara mengeluarkan barang-barang industri bermutu tinggi dengan jumlah yang besar dan harga yang murah yang semuanya itu telah mengakibatkan bertambahnya ketergantungan kita terhadap eksport.

Satu faktor lain ialah sebuah masyarakat perindustrian seperti Jepun senantiasa menggemari kecekapan dan perkara-perkara baru. Oleh kerana itu tidaklah menghairankan jika orang-orang muda — penuh dengan tenaga, peka terhadap teknologi baru dan pelbagai fesyen — diberi pujian dan segala keutamaan sehingga kadang-kadang terasa seakan-akan tidak ada budaya lain yang wujud selain budaya orang-orang muda. Sebelum kemunculan masyarakat perindustrian di negara ini, adalah menjadi kebiasaan untuk melafazkan penghormatan dengan istilah-istilah yang merujuk kepada umur yang tua. Pegawai-pegawai tinggi pemerintahan *Shogun* yang menguasai Jepun sepanjang Zaman *Edo* disebut sebagai *Tairo* dan *Roju*, kedua-dua istilah tersebut bermakna 'yang tertua'. *Toshiyori*, iaitu satu istilah lain yang bermaksud 'yang tertua', adalah istilah yang lebih digemari untuk merujuk kepada orang-orang lelaki yang menguruskan hal-ehwal kampung. Untuk selama bertahun-tahun telah menjadi kelaziman untuk memanggil rakan-rakan yang dihormati sebagai *Taikei* yang bererti abang atau saudara tua. Namun begitu, dengan kemunculan masyarakat perindustrian, dan pendewaan terhadap kecekapan, maka tumpuan penghormatan telah beralih kepada orang-orang muda, walau di negara Jepun sekalipun.

Sementara itu, adalah satu keuntungan untuk menyeragamkan pasaran dan saluran perhubungan di seluruh negara demi menggalakkan pengeluaran pelbagai barangan yang seragam dengan jumlah yang besar. Untuk mencapai matlamat yang demikian, maka pelbagai kemudahan dan hasil perusahaan pun diseragamkan di ibu-ibu pejabat korporat atau di pejabat-pejabat kerajaan pusat. Untuk menyebarkan dan memasarkan hasil-hasil tersebut ke serata negara maka dirangkalah sistem dan peraturan mengikut arahan dari Tokyo. Sebagai satu akibat yang wajar daripada semuanya itu maka semua kegiatan — memperbaiki atau menyempurnakan hasil perusahaan yang baharu serta pelbagai kemudahan baharu yang diperlukan — semakin tertumpu di ibu negara itu. Maka oleh yang demikian tidak dapat tidak semua sumber untuk penyaluran maklumat pun bertumpuk-tumpuk di kawasan Tokyo. Proses ini telah meningkatkan lagi kecekapan pengeluaran secara besar-besaran, dan dengan demikian memperkukuh keupayaan penghasilan dan daya tahan persaingan industri.

Saya percaya angkatan sebelum kita memang mempunyai pandangan jauh ke depan apabila mereka memusatkan sistem-sistem sosial dan organisasi sedemikian rupa demi mencapai hasrat kalbu mereka untuk mewujudkan sebuah masyarakat industri yang mewah dan canggih. Namun begitu kejayaan mereka melaksanakan perancangan agung itu terasa seakan-akan telah melebihi daripada jangkaan. Dan akibat daripada itu, Jepun hari ini telah membina satu keupayaan penghasilan industri yang berlebihan. Penghasilan yang

dieksport sudah terlalu banyak. Orang-orang tua telah diketepikan. Pemusatan yang berlebih-lebihan di Tokyo telah mengakibatkan kenaikan harga tanah yang sangat tinggi melambung.

Jika Jepun ingin terus maju ke depan dan melangkah mengatasi pelbagai tembok masalah tersebut, maka yang terlebih dahulu patut dilakukan ialah membebaskan diri daripada empat jenis ketergantungan yang berlebih-lebihan itu tadi. Di samping perindustrian, kita mestilah membangunkan pertanian, industri penyebaran serta perkhidmatan. Di samping meningkatkan eksport kita mestilah juga meningkatkan import. Kita mestilah membina satu kebudayaan yang menghargai kematangan di samping keremajaan. Kita mestilah memastikan bahawa kita membangunkan bandar-bandar di daerah serta masyarakat luar bandar di samping bandaraya Tokyo. Semua penyelesaian tersebut, sebagaimana juga semua masalahnya adalah saling berkait dan bertaut.

### **Membina Jepun yang Wajar dengan Kemakmurannya**

Perindustrian meningkatkan pengeluaran fizikal dan memperbaiki kehidupan material penduduk. Tidak syak lagi, pengeluaran dalam jumlah besar-besaran adalah cara yang paling baik untuk mencapai kemewahan yang sedemikian. Pada Zaman Meiji setelah Jepun terbuka kepada Barat, dan pada tahun-tahun serba kekurangan sebaik sahaja selepas Peperangan Dunia Kedua, tidak ada yang lebih penting selain daripada cara tersebut. Keputusan Jepun untuk menempuh jalan menuju ke arah masyarakat perindustrian yang canggih hari ini, memanglah satu langkah yang betul pada waktu itu. Malah sekarang pun kita hendaklah berhati-hati agar jangan sampai terlalai hingga melemparkan sahaja pelbagai kelebihan yang telah kita peroleh. Saya memang memuji setinggi-tingginya pencapaian Jepun di masa lalu, dan saya percaya banyak yang patut kita hargai dan pelihara.

Namun demikian, kita mestilah menyedari bahawa selagi perindustrian diasaskan kepada matlamat mengejar kekayaan material, maka bagi sesebuah negara yang telah pun mencapai kemewahan yang sudah cukup lumayan, matlamat yang sedemikian sudah tidak lagi dapat dikatakan memadai. Sekarang sudah ada beberapa sistem sosial dan mekanisme yang dulu didirikan untuk menampung dan memelihara kemunculan sebuah masyarakat perindustrian serta untuk mencapai kemakmuran material. Maka sekarang kita perlulah menilai kembali pelbagai pencapaian kita, dan dengan keberanian serta kearifan kita hendaklah merombak kembali segala yang memerlukan perubahan agar sesuai dan wajar dengan sebuah negara Jepun yang makmur. Tidak banyak syarat yang lebih diperlukan untuk melaksanakan semuanya itu selain daripada kekreatifan.

Yang saya perkatakan ini ialah perubahan daripada pelbagai dasar yang dahulunya bertujuan untuk menjadikan Jepun sebuah negara yang makmur kepada dasar-dasar yang sesuai untuk sebuah negara Jepun yang sekarang sudah pun makmur. Dan memanglah kita faham bahawa dasar-dasar baharu tersebut janganlah sekali-kali sampai mengorbankan kemewahan yang sedang kita nikmati kini. Bahkan, kita mestilah meneruskan dasar-dasar yang baik dan bermanfaat. Dan serentak dengan itu, tanpa ragu-ragu kita mestilah bersedia mengugurkan dasar-dasar yang sudah ketinggalan zaman dan menggantikannya dengan dasar-dasar baharu yang sesuai dengan sebuah masyarakat yang sudah pun mewah. Jalinan antara kesinambungan yang berhati-hati dengan penerokaan yang penuh berani itulah yang diperlukan oleh politik pada tahun-tahun yang akan datang.

Jika demikian keadaannya, ke manakah kita hendak mengarahkan kekreatifan kita? Manusia, pertama sekali memang dahagakan kesempurnaan material. Apabila keperluan tersebut telah terpenuhi secukupnya, maka mereka mula membuat pilihan mengikut selera dan kegemaran masing-masing sambil berusaha memenuhi tuntutan-tuntutan rohaniah. Semasa tahap memenuhi keperluan material, isu-isu yang menjadi tumpuan utama ialah kecekapan dan jumlah pengeluaran, dan oleh yang demikian pengeluaran secara besar-besaran adalah satu perkara yang wajib diusahakan. Apabila manusia mula membuat pilihan berasaskan kegemaran dan matlamat rohaniah di samping kemakmuran material, maka akan muncullah pelbagai perbezaan. Kebenaran hal ini dapat dilihat dalam pola-pola penggunaan atau tabiat membeli-belah, pola-pola bekerja, pola-pola perumahan serta kegiatan-kegiatan intelektual mereka. Dengan perkataan lain, sebuah negara Jepun yang makmur memerlukan sebuah masyarakat yang bebas membuat pilihan dan berpeluang melahirkan fikiran serta mengeluarkan pendapat tanpa sekatan.

Jepun hari ini dengan segala keupayaan pengeluarannya yang sangat luar biasa itu, secara relatif mempunyai permintaan yang terbatas. Akibatnya ialah lebihan dagangan yang maha besar. Saya percaya satu sebab terjadinya ketidakseimbangan ini ialah kerana pilihan-pilihan yang terbatas. Malah jika kita meninjau masalah-masalah pendidikan dan rawatan kesihatan, kita dapati bahawa salah satu punca ketidakpuasan ialah kerana terbatasnya peluang membuat pilihan. Dengan perkataan lain, sebuah masyarakat perindustrian seperti kita, yang telah menumpukan tenaga mencapai kecekapan dalam menyeragamkan pengeluaran secara besar-besaran, namun dari segi kepelbagaian penawaran atau keragaman barangan masih banyak keinginan kita yang belum terpenuhi. Dari segi para pembekal pula, kurangnya kepelbagaian tersebut telah menyebabkan terbatasnya peluang mereka untuk

Perkataan **FURUSATO** dalam Bahasa Malaysia kira-kira bererti 'kampung halaman' atau 'kota kelahiran'. Menurut pengarang buku ini, keperibadian diri yang berakar umbi pada ciri-ciri tempat asal ini dapat memberikan orang Jepun kekuatan budaya yang istimewa dalam menghadapi masalah-masalah yang mungkin ditemuinya dalam proses menjadi peserta sepenuhnya dalam masyarakat antarabangsa hari ini dan masa hadapan. Upaya memanfaatkan unsur-unsur budaya asli itu dalam menghadapi cabaran-cabaran dunia moden inilah yang disebutnya sebagai 'kekreatifan furusato'. Buku ini merupakan satu huraian yang menarik oleh salah seorang anak watan Jepun yang ulung hari ini tentang beberapa pesoalan kebudayaan yang dihadapi oleh bangsa Jepun yang sedang muncul sebagai bangsa moden yang utama di dunia kini.

**NOBORU TAKESHITA** lahir pada 24 Februari 1924 di **Prefektur Shimane**. Beliau adalah Perdana Menteri Jepun dari tahun 1987 hingga 1989. Sebelum itu beliau memegang jawatan Menteri Kewangan (dari tahun 1979 hingga 1980 dan dari tahun 1982 hingga 1985). Beliau dianggap salah seorang pemimpin yang paling berpengaruh dalam **Parti Liberal (LDP)** di Jepun kini, mengetuai kelompok **KEISEI-KAI** yang sangat besar pengaruhnya dalam Dewan Diet (Parlimen).

**DR FIRDAUS HAJI ABDULLAH** adalah Profesor Madya di **Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya**. Selain itu, beliau bergiat dalam bidang penulisan, puisi dan penterjemahan.